



TERIMA ANUGERAH ... Mohd Harun (kanan) menerima anugerah itu daripada Ahmad.

## Naib Canselor UMS terima Anugerah Buku Negara 2014

NST 12.12.2014 2

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Teknikal) pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014, kelmarin.

Buku hasil tulisan beliau bertajuk Principles in Water Analysis for Environmental Science itu diterbitkan Penerbit UMS.

Anugerah itu disampaikan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, kelmarin.

Buku setebal 83 muka surat itu adalah berkisarkan prinsip-prinsip pengukuran dan analisis makmal serta prosedur asas menjalankan pelbagai ujian yang memfokuskan beberapa parameter kualiti air.

Pada majlis itu, sebuah lagi buku UMS turut diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Sains) melalui Buku bertajuk Atmosphere and Ocean: An Introduction to Marine Science.

Buku terbitan Penerbit

UMS itu dihasilkan kumpulan pensyarah dan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang terdiri daripada Than H. Aung, Madihah Jafar Sidik, Dr. Ejria Saleh dan Muhammad Ali S. Hussein.

Majlis penganugerahan buku yang berlangsung sempena Expo Buku Malaysia 2014 dinilai Panel Penilai Profesional Anugerah Buku Negara yang dipengerusikan Ketua 1 Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latif Abu Bakar.